

10 DEC 1999

Rais-Insaf

RAIS INSAF DAN HARGAI KEPERCAYAAN DR MAHATHIR

SEREMBAN, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Dr Rais Yatim hari ini berkata beliau bagaikan mengalami satu kejutan dengan pelantikannya sebagai menteri kabinet, setelah kali terakhir memegang jawatan dalam kabinet pada 1987.

"Sekali gus saya rasa insaf dan amat menghargai kepercayaan terhadap saya untuk berada dalam kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika dihubungi di kediamannya di Kuala Lumpur hari ini.

Dr Rais, 57, yang dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam senarai Kabinet yang diumumkan Dr Mahathir hari ini, berkata secara peribadi pelantikannya itu merupakan satu pemulihan terhadap dirinya secara menyeluruh.

"Kali terakhir saya berada dalam kabinet ialah pada 1987, dan dalam jarak hampir 12 tahun, mungkin sukar untuk membayangkan saya kembali balik ke dalam kabinet.

"Saya tidak menduga tentang pelantikan ini...dengan latar belakang politik saya selama kira-kira 10 tahun setelah meninggalkan Umno dan meletak jawatan Menteri Luar pada 1987, tidak mudah bagi Dr Mahathir untuk melantik saya," katanya.

Dan kini, katanya, beliau akan bertugas secara langsung di bawah Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Rais telah menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada 1978-1982, dan kemudian memegang jawatan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah (1982-85), Menteri Penerangan (1985-86) dan Menteri Luar (1986-87) sebelum meletak jawatan kerana meninggalkan Umno untuk menyertai Parti Melayu Semangat 46 (S26). Beliau menyertai semula Umno selepas S46 dibubarkan.

Pada pilihan raya umum lepas, beliau memenangi kerusi Parlimen Jelebu dengan memperolehi 17,028 undi menewaskan Jaafar Muhammad (Keadilan) yang mendapat 9,909 undi.

Dr Rais berkata beliau amat menghargai pelantikannya itu dan secara setimpalnya beliau harus melaksanakan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin, tanpa mengira portfolio yang diberikan kepadanya.

Katanya beliau berazam untuk bekerja keras bagi menjadikan Barisan Nasional kerajaan yang terus kukuh untuk pembangunan negara dan kemajuan rakyat.

"Selama ini saya tidak meletakkan apa-apa harapan untuk berada dalam kabinet walaupun cergas melaksanakan dan membantu program-program parti," katanya.

-- BERNAMA

AZ NMO